

*Research Article*

# Elemen Kesiediaan Kerjaya ke Arah Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional Bidang Hospitaliti di Malaysia Berdasarkan Keperluan Pensyarah

Noor Mala bt Othman<sup>1\*</sup>, Azman Hasan<sup>2</sup>

1 Affiliation <sup>2</sup>; azmanh@uthm.edu.my

\* Correspondence: crnoormala@gmail.com

Received: 1<sup>st</sup> January 2019; Accepted: 10<sup>th</sup> January 2019; Published: 28<sup>th</sup> February 2019

**Abstrak:** Kesiediaan kerjaya dapat menerangkan samaada seseorang individu tersebut telah bersedia atau tidak untuk menceburi bidang kerjaya pilihan. Tanggungjawab kolej vokasional adalah memberi pendidikan dan latihan kemahiran kepada para pelajar bersesuaian dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti pengetahuan dan pemahaman pensyarah berkaitan keperluan kesiediaan kerjaya kepada graduan serta elemen untuk meningkatkan kesiediaan kerjaya graduan kolej vokasional bidang hospitaliti agar lebih berkeyakinan, berketrampilan dan mengekalkan kerjaya dalam kebolehpasaran industri. Seramai 5 orang responden dari kolej vokasional yang menawarkan bidang hospitaliti dipilih secara rawak sebagai sampel. Penyelidikan ini adalah secara kualitatif yang menggunakan temubual sahaja untuk meneroka persepektif pensyarah berkaitan keperluan kesiediaan kerjaya kepada graduan dan elemen yang seharusnya ada pada graduan bagi kebolehpasaran industri hospitaliti seterusnya keperluan berkaitan panduan kesiediaan kerjaya untuk graduan kolej vokasional bidang hospitaliti di Malaysia.

**Keywords:** Kesiediaan Kerjaya; Kolej Vokasional; Hospitaliti; Kebolehpasaran; Elemen

## About the Authors

Noor Mala binti Othman adalah seorang kaunselor yang telah berkhidmat selama 18 tahun sebelum menyambung pengajian ke peringkat PhD di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bermula bulan September 2017 dengan tajaan HLP, KPM. Beliau seorang yang aktif sebagai pengacara majlis dan telah menulis sebuah buku bertajuk Himpunan Teks Pengacara Majlis sebagai rujukan untuk mereka yang memerlukan skrip yang lengkap. Selain itu beliau juga mencipta inovasi MYES (My Emotion Success) bagi membina hubungan awal kaunselor dengan klien. Kini sedang bergiat secara aktif dalam NGO dan menjadi AJK Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia.

## Public Interest Statement

Pendidikan TVET merupakan laluan yang penting bagi negara untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovasi, dan mampu menghadapi saingan pada peringkat global dan serantau serta sentiasa relevan dengan keperluan semasa. TVET memberikan penekanan kepada pendidikan berkonsep sepanjang hayat, iaitu pendidikan berterusan tanpa had umur pembelajaran tertentu. TVET berperanan menjadi agen perubahan dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan serta ekonomi negara. Malahan TVET juga mampu melahirkan tenaga kerja tempatan yang diperlukan oleh industri dan negara bagi mengharungi fenomena Revolusi Industri 4.0

## 1. Pengenalan

Menurut Baharom (2010), kesediaan bermaksud perkara yang telah wujud, kerelaan dan keinginan. Lombardi, Conley, Seburn, dan Downs, (2012) telah mendefinisikan kesediaan kerjaya sebagai pengetahuan, kemahiran dan strategi pembelajaran dalam konteks permulaan belajar atau mendapat latihan dalam laluan kerjaya termasuklah bersedia bekerja, latihan dalam pekerjaan jangkaan asas berkaitan dengan tingkah laku di tempat kerja dan pengetahuan spesifik. Bagi Bullock-Yowell, Chason, Sampson, Lenz, dan Reardon (2013) pula, kesediaan kerjaya merupakan strategi kognitif seperti kebolehan membuat interpretasi, penyelesaian masalah dan keupayaan membuat keputusan.

Globalisasi dan k-ekonomi sering dikaitkan dengan permintaan pekerjaan dan mempelbagaikan ruang kemahiran individu. Segulung ijazah bukan lagi ciri tarikan utama majikan dan pasaran kerjaya dalam memilih graduan; sebaliknya, gabungan kemahiran insaniah atau dikenali juga sebagai kemahiran bukan teknikal lebih diutamakan (Rusmin, 2010). Kebanyakan majikan masa kini memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal, tetapi juga memerlukan kemahiran bukan teknikal agar mereka memiliki pelbagai kemahiran dalam melakukan tugas yang diberikan untuk meningkatkan produktiviti syarikat dan berdaya saing (Abdullah, 2007; Mohd Noor & Sahimin, 2010; dan Hinchliffe & Jolly, 2011). P.T. Knight & M. Yorke (2003) dan N.S. Nik Ismail (2010) menyatakan bahawa kemahiran bukan teknikal merupakan satu sikap yang diakui sebagai kecergasan minda yang dapat mengadaptasikan situasi sekeliling, kehendak individu, serta kekuatan kecergasan emosi dan rohani seseorang kepada tindakan yang bersesuaian. Keselarasan kemahiran teknikal dan bukan teknikal yang ada pada diri pelajar institusi pastinya akan meningkatkan kebolehpasaran mereka di industri.

Kesediaan untuk kerjaya dapat menerangkan samaada seseorang individu tersebut telah bersedia atau tidak untuk menceburi bidang kerjaya pilihan. Tanggungjawab kolej vokasional adalah memberi pendidikan dan latihan kemahiran kepada para pelajar bersesuaian dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri. Cabaran yang besar adalah bagi memastikan pelajar yang telah dilatih bersedia untuk memasuki dan meneroka bidang pekerjaan selari dengan kemahiran yang dimiliki seperti mana graduan dari institusi pendidikan yang lain di negara ini. Namun majikan pada hari ini sering tidak berpuashati dengan kemahiran komunikasi, kemahiran interpersonal, pemikiran kritikal, penyelesaian masalah secara kreatif dan kemahiran keusahawanan yang dimiliki oleh bakal graduan pelbagai institusi (Mustafa, Mohd Nor Suradin & Ahad, 2010).

## 2. Latar Belakang

Kemahiran adalah aset yang penting untuk pelajar bersedia apabila berada dalam industri dan bersaing dengan graduan dari pelbagai institusi. Kemahiran yang perlu dimiliki oleh pelajar haruslah selari antara kemahiran teknikal dengan kemahiran bukan teknikal. Menurut Ismail, M. H. (2012) maklum balas yang diperolehi daripada majikan adalah kelemahan graduan dalam aspek kemahiran bukan teknikal seperti kemahiran komunikasi dan penguasaan Bahasa Inggeris. N Yusuf, Z Jamaluddin & N Mat Lazim (2013) turut menyatakan bahawa kebanyakkan graduan yang keluar dari institusi pengajian tinggi tidak berupaya memenuhi kehendak majikan dari segi kemahiran bukan teknikal dan kebolehkerjaan. Shafie, Latisha Asmaak; Nayan, S. (2010), menyatakan bahawa kemahiran kebolehpasaran adalah kemahiran yang perlu ada pada pelajar dalam mempersiapkan diri mereka bagi memenuhi keperluan dalam pelbagai pekerjaan

Kemahiran bukan teknikal merupakan kemahiran yang tidak boleh dipandang remeh oleh semua pekerja mahir (Mohamad Sattar et al., 2008). Menurut beliau lagi, kemahiran bukan teknikal adalah pelengkap kepada kesempurnaan seseorang pekerja mahir di industri. Hasil kajian Ramlee (2002), beliau mendapati bahawa majikan industri pembuatan di Malaysia mendapati lulusan-lulusan teknikal di

Malaysia mempunyai kemahiran teknikal lebih daripada mencukupi, namun begitu, majikan merasa kurang berpuas hati dari segi kemahiran bukan teknikal iaitu kemahiran motivasi, komunikasi, interpersonal, pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan kemahiran keusahawanan. Disamping itu, menurut Syed Hussain (2005) mendapati kebanyakan lulusan daripada bidang teknikal masih menganggur disebabkan oleh dua faktor, iaitu pelajar kurang kemahiran bukan teknikal berbanding dengan kemahiran teknikal yang diperlukan oleh industri dan kedua ialah kurangnya latihan praktikal dan pengalaman kerja.

Di Malaysia, pekerja mahir dilihat terkebelakang dalam penguasaan kemahiran bukan teknikal. Menurut Mohamad Sattar et al., (2009), pekerja mahir industri pembuatan di negara ini mempunyai penguasaan kemahiran berfikir, kemahiran interpersonal dan kualiti personaliti yang sangat baik. Namun, pada masa yang sama mereka masih lemah dalam penguasaan kemahiran asas, kemahiran maklumat dan kemahiran menggunakan teknologi. Sementara itu hasil kajian Zubaidah et al. (2006), mendapati bahawa pekerja mahir bidang kejuruteraan di Malaysia ini mempunyai penguasaan kemahiran bukan teknikal yang sederhana dalam semua aspek iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran penyelesaian masalah dan berfikiran kritis, kemahiran pengurusan maklumat, kemahiran organisasi dan kepimpinan, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran berkaitan sikap di tempat kerja dan kemahiran pengurusan diri. Dapat dinyatakan dengan jelas bahawa kemahiran bukan teknikal merupakan antara faktor utama yang di kaitkan dengan isu kebolehpasaran graduan dan persaingan yang terlampau sengit dalam dunia yang global pada hari ini di tambah dengan lambakan graduan setiap tahun menyebabkan penawaran dalam pekerjaan semakin kurang. Dengan memiliki kemahiran bukan teknikal yang tinggi, graduan mempunyai kelebihan dan nilai tambah dalam diri bagi mencari pekerjaan.

### 3. Pernyataan Masalah

Dalam dunia hari ini, para graduan perlu mempunyai kompetensi dan kemahiran pekerjaan untuk mereka berdaya saing di pasaran pekerjaan. Memiliki ijazah tinggi sahaja tidak menjamin pekerjaan seseorang. Sebaliknya, para graduan tidak mempunyai pengetahuan yang relevan dan terkini, pengalaman praktikal, kemahiran bukan teknikal serta sikap yang positif untuk melengkapkan mereka sebelum berdepan cabaran dunia kerjaya sebenar (Dasar Latihan Industri Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, 2010). Kamal Khir (2006) berpandangan kelemahan graduan dewasa ini ialah dalam kedua-dua kemahiran; teknikal dan bukan teknikal. Sistem pendidikan negara (teknik dan vokasional) perlu mencorak langkah untuk merencana strategi menambahbaik mutu graduan yang dihasilkan. Sistem pendidikan teknik dan vokasional perlu menitikberatkan elemen kemahiran bukan teknikal. Majikan pascamoden ini bijak memilih graduan pelbagai kemahiran (multi-skilled), mempunyai ciri kepimpinan dan berpengetahuan dalam disiplin. Graduan yang berpotensi dan mahir dalam teknologi maklumat, inovatif serta kreatif menjadi keutamaan.

Transformasi pendidikan vokasional merupakan usaha merekayasa (*reengineering*) sistem pendidikan vokasional sedia ada sehingga terbina sistem pendidikan vokasional baharu yang dapat menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi (Luthfi, A., & Kandar, (2014). Kemahiran yang disediakan juga akan diberi penekanan kepada kemahiran pekerjaan dan kemahiran generik yang lain yang akan menjadi kemahiran tambahan untuk pelajar yang memohon pekerjaan di masa akan datang (Biden, N., & Kamin, Y., 2013). Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen kesediaan kerjaya ke arah kebolehpasaran graduan kolej vokasional bidang hospitaliti di Malaysia berdasarkan keperluan pensyarah.

### 4. Objektif Kajian

Objektif kajian yang lebih khusus adalah seperti berikut;

1. Mengetahui pasti perspektif pensyarah tentang kepentingan kesediaan kerjaya bagi graduan kolej vokasional bidang hospitaliti.
2. Mengetahui pasti perspektif pensyarah berkaitan elemen kesediaan kerjaya yang perlu ada pada graduan agar lebih berkeyakinan, berketrampilan dan mengekalkan kerjaya dalam kebolehpasaran industri.
3. Mengetahui pasti perspektif pensyarah tentang keperluan menyediakan panduan kesediaan kerjaya graduan kolej vokasional bidang hospitaliti bagi kebolehpasaran industri.

## 5. Kaedah Penyelidikan

Kaedah penyelidikan untuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan hasil kajian ini adalah dengan melakukan temubual. Temubual ini melibatkan lima orang responden (R1, R2, R3, R4 dan R5) dari lima kolej vokasional yang menawarkan bidang hospitaliti dan mereka pakar dan berpengalaman dalam bidang hospitaliti di kolej vokasional mereka. Temubual diadakan untuk mengumpul data berkaitan maklumat elemen kesediaan kerjaya untuk kebolehpasaran industri graduan kolej vokasional dalam bidang hospitaliti serta keperluan dan kepentingan panduan kesediaan kerjaya kepada para graduan. Data dikumpul melalui lima temubual di mana setiap sesi berlangsung sekitar 20 minit. Temubual ditranskripsikan, kategori dan akhirnya tema dibentuk berdasarkan kategori (Sulaiman et al., 2017)

## 6. Dapatan Data

### 6.1. *Perspektif pensyarah tentang kepentingan kesediaan kerjaya bagi graduan kolej vokasional bidang hospitaliti*

Pensyarah memberikan persepsi dan kefahaman mereka berkaitan kesediaan kerjaya untuk graduan kolej vokasional yang mana lebih merujuk kepada persediaan graduan untuk berada dalam sektor pekerjaan “kesediaan kerjaya adalah persediaan diri seseorang individu dalam melangkah ke alam pekerjaan. Kesediaan tersebut dari segi pengetahuan, kemahiran, komunikasi dan mental dan fizikal. Kesediaan kerjaya perlu kepada para graduan kerana majikan akan memilih hanya pekerja yang berkelayakan dan berkemahiran (R1)”. “Kesediaan kerjaya adalah persediaan seseorang pelajar untuk memasuki alam pekerjaan dengan mengaplikasikan kemahiran, amalan etika professional dan pengalaman yang dimiliki sepanjang tempoh pengajian di kolej. Ya, kesediaan kerjaya amat perlu bagi setiap individu (R3)”. Pensyarah juga menyatakan kesediaan kerjaya adalah persediaan mental dan fizikal graduan “kesediaan kerjaya ialah satu keadaan pelajar menetapkan dalam minda mereka harus bersedia dari segi mental dan fizikal sebelum menempuh alam pekerjaan dan perlu melakukan anjakan paradigm ke atas persepsi diri masing-masing mengenai perubahan di tempat kerja samaada dari segi disiplin diri, tingkahlaku, pergaulan dan lain-lain (R2)”. Ada pensyarah menyatakan kesediaan kerjaya memerlukan minat selain kemahiran dan pengetahuan dalam bidang yang diceburi “kesediaan yang perlu ada bagi seseorang individu untuk memasuki bidang pekerjaan tersebut adalah perlu ada minat dalam bidang tersebut. Selain itu perlu ada kemahiran dan pengetahuan tentang bidang yang diceburi (R4)”. Dan ada pensyarah menyatakan juga bahawa kesediaan adalah perlu untuk mengelak graduan terkejut dengan budaya kerja di industri “Seseorang graduan perlu mempunyai kesediaan kerjaya sebelum melangkah ke alam pekerjaan dari mengelak graduan terkejut dengan budaya kerja di industri. Selain itu dapat meningkatkan keyakinan diri dan kemampuan untuk berdepan dengan cabaran di alam pekerjaan (R5)”.

### 6.2. *Perspektif pensyarah berkaitan elemen kesediaan kerjaya yang perlu ada pada graduan agar lebih berkeyakinan, berketrampilan dan mengekalkan kerjaya dalam kebolehpasaran industri*

Dalam temubual yang diadakan berkaitan elemen kesediaan kerjaya yang perlu ada pada graduan bidang hospitaliti, pensyarah memberikan jawapan yang hampir sama di mana dapat dirumuskan elemen yang perlu ada menurut perspektif pensyarah adalah berkaitan kemahiran bukan teknikal atau kemahiran generik atau insaniah, “pengetahuan yang luas berkaitan dengan bidang yang diceburi, berkemahiran, berdidiplin, komunikasi yang baik, penampilan yang kemas dan sesuai (R1)”. Pensyarah juga menyatakan bahawa graduan perlu menguasai bidang yang mereka ceburi dalam mengejar kehendak industri “menguasai bidang yang dipelajari, be different, be unique among others, berpandangan jauh 1-5 tahun akan datang agar mereka tahu di mana nilai dan prospek mereka dalam mengejar kehendak industri (R2)”. “Perlu tahu skop kerjadalaman bidang tersebut. Persediaan dari segi mental dan fizikal (R4)”. Kemahiran komunikasi juga merupakan elemen yang dinyatakan oleh pensyarah selain mempunyai etika kerja yang baik “Kemahiran untuk berkomunikasi dengan majikan, rakan sekerja dan juga pelanggan/ orang awam, amalan etika kerja yang baik, kesediaan seseorang pelajar terhadap perubahan persekitaran kerja yang baru (R3)”. Elemen lain yang pensyarah perlukan untuk graduan juga adalah pendedahan berkaitan tempoh waktu bekerja untuk menghadapi cabaran semasa bekerja “tempoh waktu bekerja agar graduan mempunyai daya tahan dan kesediaan dari segi fizikal dan mental untuk menghadapi cabaran semasa bekerja, komunikasi, penampilan untuk memberikan pandangan atau tanggapan yang baik oleh majikan dan pelanggan (R5)”.

### *6.3. Perspektif pensyarah tentang keperluan menyediakan panduan kesediaan kerjaya graduan kolej vokasional bidang hospitaliti bagi kebolehpasaran industri*

Semua responden menyatakan panduan kesediaan kerjaya sangat perlu untuk graduan mendapat pendedahan ilmu, membimbing, melengkapkan diri dan panduan untuk graduan lebih bersedia melangkah ke alam pekerjaan. “saya rasa sangat perlu kerana panduan tersebut dapat membimbing para dan melengkapkan diri pelajar dengan persediaan yang lebih baik semasa bekerja nanti (R1)”. “Perlu bagi menimbulkan rasa tanggungjawab ke atas diri sendiri. Jika bukan kita yang menetapkan matlamat dan hala tuju dan kerjaya maka siapa lagi? (R2)”. “Ya. Amat baik jika ada supaya pelajar mendapat pendedahan ilmu berkaitan kesediaan kerjaya selain daripada kemahiran dalam bidang yang dimiliki dan lebih bersedia untuk menceburi alam pekerjaan (R3)”. “Ya. Sebagai panduan untuk pelajar ketika mereka melangkah ke alam pekerjaan (R4)”. “Perlu disediakan sebagai panduan untuk mengelak terlepas pandang tentang perkara-perkara yang perlu ada pada graduan dan memudahkan penyusunan program yang perlu dilakukan oleh pihak Kolej Vokasional (R5)”.

## **7. Perbincangan dan Kesimpulan**

Persaingan, cabaran dan aspirasi yang sentiasa meningkat dan seiring dengan transformasi pendidikan dan dasar-dasar negara seperti mana yang terdapat di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11), pendidikan teknik dan vokasional juga perlu selaras dengan matlamat pendidikan negara dengan memastikan bahawa keperluan tenaga negara dapat dipenuhi bagi jangka pendek mahupun panjang (Mohd Jalil, A., et.al. 2015). Dalam era globalisasi ini, banyak cabaran yang harus ditempuhi dan globalisasi itu sendiri merujuk kepada dunia tanpa sempadan. Cabaran utama adalah melahirkan modal insan yang menepati kehendak pasaran dengan memenuhi perkembangan pendidikan teknik dan vokasional yang selaras dengan matlamat pendidikan negara bagi mencapai keseimbangan dan kemakmuran diri. Pada masa ini pasaran kerja graduan bukan lagi hanya bergantung kepada kecemerlangan akademik semata-mata, tetapi kualiti sendiri seseorang individu itu sendiri boleh mempengaruhi kebolehpasaran mereka (Mat Yazid, 2010).

Kajian Othman et.al (2011) mendapati bahawa, prestasi yang diharapkan oleh majikan berbanding prestasi kerja sebenar graduan mempunyai jurang yang begitu ketara dan tahap kesediaan dalam diri



pelajar juga perlu seiring dengan usaha tersebut. Ini disebabkan oleh tahap kesediaan atau kata dasarnya adalah 'sedia' merupakan elemen yang penting untuk menjadi galakan kepada pelajar kerana persediaan para pelajar yang akan membantu dalam pemilihan kerjaya. Kajian yang dijalankan oleh Suhaili (2015), kesediaan seseorang adalah bergantung kepada individu itu sendiri dalam melakukan sesuatu yang diinginkan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Manakala, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Khairul Anwar (2014) pula, kesediaan seseorang dalam mencapai sesuatu tahap yang telah ditetapkan untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan atau tugas yang berkesan, yang mana keadaan tersebut amat bergantung kepada kematangan dan pengalaman seseorang individu dalam melakukan sesuatu perkara. Kemahiran teknikal dan insaniah yang perlu ada pada seorang graduan masih kurang, walhal kemahiran ini sangat diperlukan oleh pihak industri.

Graduan yang dihasilkan juga tidak matang dalam hal-hal kerjaya contohnya dari aspek penulisan resume yang lemah, tidak bersedia untuk temuduga dan sebagainya (Esa, A., et.al 2013). Ketidakmatangan graduan ini mungkin berpunca daripada kurangnya persediaan pelajar dalam kerjaya semasa di peringkat pengajian tinggi. Kesediaan individu untuk memasuki dunia pekerjaan merupakan aspek penting menjadi asas pertimbangan kepada majikan untuk menawarkan sebarang jawatan. Kesediaan yang dimaksudkan di sini termasuklah kemahiran dalam melaksanakan aktiviti kerja, kesediaan untuk menerima persekitaran pekerjaan, faktor keadaan fizikal dan keyakinan diri terhadap pekerjaan itu sendiri.

Kesediaan yang cukup daripada segi mental dan fizikal mampu mengelakkan bakal graduan daripada mengalami kejutan budaya apabila mula memasuki alam pekerjaan, (Arsat & Rasid, 2010). Kesediaan ini dipengaruhi oleh minat seseorang pelajar yang akan mendorong ke arah kecenderungan kerjaya mereka. Minat merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari (Minghat, Selamat & Mohd Rejab, 2010). Seetha (2014) satu kajian tinjauan yang dibiayai oleh National Association of Manufactur mendapati bahawa para majikan mengkehendaki sekolah meningkatkan usaha untuk membangunkan kemahiran bukan teknikal dalam kalangan pelajar. Para majikan menyatakan bahawa mereka mengkehendaki sekolah mengajar kemahiran bukan teknikal yang meliputi kehadiran, ketepatan dan juga sikap kerja yang baik. Menurut Briggs dan Hodgsm (dalam Ahmad Esa et.al, 2005) di antara kelemahan graduan yang paling ketara ialah kelemahan dalam penguasaan kemahiran komunikasi. Kemahiran komunikasi ini penting kepada graduan kerana ia merupakan di antara keperluan kemahiran yang diperlukan oleh pihak majikan (Zaiton Mohd Hassan, 2003).

Menurut kajian Alhelalat (2015), graduan hospitaliti kurang mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran belajar, teknologi, pengumpulan data dan analisis, bahasa, kemahiran pengurusan dan kepimpinan untuk memenuhi piawaian industri untuk kemahiran graduan hospitaliti. Menurut Seetha (2014), mendapati bahawa pihak industri di Malaysia mengharapkan pekerja yang mengisi jawatan di industri mempunyai peribadi yang berpengetahuan relevan, mempunyai peribadi yang baik, kemahiran komunikasi yang mantap dan berkesan dan sanggup mempelajari sesuatu ilmu yang baru ketika berada dalam alam pekerjaan.

Greene dan Staff (2012) menyatakan program kerjaya dapat meningkatkan kesediaan kerjaya pelajar khususnya dalam aspek perancangan kerjaya bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Individu dapat membuat pertimbangan tentang keupayaan mereka untuk menyusun dan melaksanakan jalan tindakan yang dikehendaki untuk mencapai matlamat yang dikehendaki. Individu tersebut bukan sahaja memiliki kemahiran dan pengetahuan berkaitan kerjayanya, tetapi juga mampu untuk membuat pertimbangan mengenai apa yang perlu dilakukan berdasarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki (Bandura 1986). Chuang (2007), graduan hospitaliti seperti pelancongan meninggalkan bidang masing-masing secara pra matang iaitu mereka hanya berkhidmat antara 3 – 5 tahun. Ini menunjukkan persediaan untuk menghadapi pekerjaan adalah satu proses yang kompleks. Ia menjadi lebih rumit lagi apabila mereka tidak mempunyai pengalaman dalam menentukan pekerjaan dan lemah dalam mempersiapkan diri dalam mencari pekerjaan yang sesuai. Sehubungan itu, graduan perlu diberi satu

panduan khusus berkaitan elemen kesediaan kerjaya bagi membolehkan mereka berada dalam kebolehpasaran industri.

Secara kesimpulannya, panduan kesediaan kerjaya ini dipersetujui oleh pensyarah dapat dijadikan rujukan kepada pelajar dan pensyarah bagi memudahkan pelaksanaan proses pembelajaran dan untuk menerapkan lagi kesediaan kerjaya kepada pelajar dengan lebih efektif seterusnya mampu meningkatkan keyakinan serta potensi graduan Kolej Vokasional untuk bersaing dalam industri. Selain itu juga dapat menyediakan panduan berkaitan elemen kesediaan kerjaya berdasarkan keperluan pensyarah untuk kebolehpasaran pelajar setelah bergraduat, sekaligus membantu graduan kolej vokasional untuk bersaing dalam industri dengan graduan dari pelbagai institusi.

## 9. Rujukan

- Abdullah, N.H. (2007). "Pengurusan Kemahiran Insaniah dalam Membangunkan Modal Insan Melalui Aktiviti Ko-Kurikulum di UTHM". Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan. Batu Pahat, Johor: UTHM [Universiti Tun Hussein Onn Malaysia]
- Alhelalat, J.A. (2015). Hospitality and Non-Hospitality Graduate Skills Between Education and Industry. *Journal of Business Studies Quarterly*, 6(4), 46-55.
- Arsat, M., & Rasid, N.A. (2010). Faktor Kesediaan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik Dalam Pembentukan Kerjaya: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Australian Chamber Of Commerce and Industry. (2002). *Employability Skills – An Employer Perspective: Getting What Employer Want Out of the Too Hard Basket*.
- Baharom, N. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall
- Biden, N., & Kamin, Y. (2013). Implikasi Penjenamaan Semula Sekolah Menengah Vokasional (SMV) Kepada Kolej Vokasional (KV), (*Isqae* 2013), 316–323
- Bullock-Yowell, E., Chason, A. K., Sampson, J. P., Lenz, J. G., & Reardon, R. C. (2013). "Relationships among career thoughts, career interests, and career decision state."
- Chuang, N.-K., Goh, B. K., Stout, B. L., & Dellmann-Jenkins, M. (2007). Hospitality Undergraduate Students' Career Choices and Factors Influencing Commitment to the Profession. *Journal of Hospitality and Tourism Education*, 19(4), 28-37.
- Dasar Latihan Industri Jabatan Pengajian Kolej Komuniti. (2010).
- Esa, A., Padil, S., & Selamat, A. (2013). Kemahiran Insaniah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran pada Program Kejuruteraan di Politeknik Malaysia, 3(2), 139–150 for *Youth Development*, 134, 23-31. doi: 10.1002/yd.20012
- Greene, K. M., & Staff, J. (2012). *Teenage employment and career readiness*. *New Directions*
- Hinchliffe G.W. & A. Jolly. 2011. "Graduate identity and employability. *Journal of British Educational Research*" 37(4): 563-584.
- Ismail, M. H. (2012). "Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan." [Study on employability of Graduates in Malaysia: A survey of employer perspectives]. *Dlm. Prosiding PERKEMVII*, 2, hh.906–913.

- Kamal Khir (2006). Training Approach the Employability of Graduate Competencies in the Charging World. Pembentangan Kertas Kerja. National Conference on Contributing Technical Education and Training 2006. 28-29 Julai, Katerina Hotel, Batu Pahat, Johor.
- Knight, P.T. & Yorke, M. (2003). The Society for Research into Higher Education: Assessment, Learning and Employability. England: McGraw Hill Education.
- Lombardi, A. R., Conley, D. T., Seburn, M. A., & Downs, A. M. (2012). "College and career" London.Colombia.University Press.
- Luthfi, A., & Kandar, B. I. N. (2014). Kemahiran Employability dalam Kalangan Pelajar KV Kluang Johor.
- Mat Yazid, R., (2010). Penerapan Kemahiran ePersonal Qualities Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Kejuruteraan Melalui Aktiviti Pembelajaran. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Minghat, A.D., Selamat, K., & Mohd Rejab, H. (2010). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kesiediaan Pelajar-Pelajar Aliran Vokasional Untuk Memilih Kerjaya Dalam Bidang Yang Dipelajari. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mohamad Sattar Rasul Md Yusof Ismail Napsiah Ismail Rashid Rajuddin Roseamnah Abd. Rauf (2009). Jurnal Pendidikan Malaysia 34(2): 67 - 79 "Aspek Kemahiran 'Employability' yang Dikehendaki Majikan Industri Pembuatan Masa Kini" (Aspects of Employability Skills Needed by the Manufacturing Industries Employers)
- Mohamad Sattar Rasul, Md Yusof Ismail, Napsiah Ismail, Muhammad Rashid Rajuddin & Rose Amnah Abdul Rauf. 2008. "Pembangunan standard pengukuran kemahiran 'employability'." Jurnal Teknologi 49 (E): 15-30.
- Mohd Jalil, A., Noor Hisham, J., & Annas Akhmal, H. (2015). TEVT di Malaysia : Cabaran dan Harapan. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Awam 2015*, (September), 1–8.
- Mohd Noor, N. & S. Sahimin. (2010). "PenerapanKemahiran Generik dalam Proses Pengajaran danPembelajaran di Kolej Yayasan Sabah". Tersedia [online] juga dalam <http://eprints.utm.my/10527/1>[dilayari diBatu Pahat, Johor, Malaysia: 18hb Januari 2013].
- Mustafa, M.Z., Mohd Nor, N., Suradin, A. & Ahad, R. (2010). "Kemahiran Soft Skills Di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia". Dalam: Esa. A. & Mustafa, M.Z. Kemahiran Insaniah: Kajian di Institusi-Institusi Pengajian. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- N Yusuf, Z Jamaluddin & N Mat Lazim (2013). Persepsi Pelajar Prasiswazah Terhadap Kebolehpasaran Graduan dan Persaingan dalam Pasaran Pekerjaan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 77–92.
- National Association of Manufactures (NAM). (2003). Engineering Programme Accreditation Manual. Kuala Lumpur
- Nik Ismail, N.S. (2010). "Soft Skills: The What, the Why, and the How." Bangi, Selangor: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Othman, M.Z., Hamzah, R., Norihan, I. S., Aripin, M. A. (2011). Dua Teras, Satu Destinasi: Pelan Reformasi Strategik PTV Ke Arah Pembangunan Sejagat. *Jurnal Teknologi*, 56, 101-11
- Padil, Suhaili, Esa, Ahmad and Selamat, Asri (2013). Application of Soft Skills in Architectural Programme in Polytechnics to Meet Industrial Requirements. *Proceeding Malaysia International Technical HRD & 9th AASVET Conference 2013*. Asian Academic Society for Vocational Education and Training. 633-640.



- Ramlee Mustapha (2002). The Role of Vocational and Technical Education in the Industrialization of Malaysia as Perceived by Educators and Employers”. Doctoral Dissertation. Purdue University.
- Rusmin, R. (2010). “Graduan ‘Ulat Buku’ Tak ke Mana: Tiga Kelemahan Nyata Siswa ialah Kurang Kemahiran Berkomunikasi, Tidak Pandai Bawa Diri, dan Pemikiran Kurang Kritikal” dalam akhbar Harian Metro. Kuala Lumpur, Malaysia: 6hb Disember, ms.v4 dan v7.
- Seetha, N. (2014). Are Soft skills Important In the Workplace? A Preliminary Investigation in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 4(4). 44-56. Doi: 10.6007/IJARBS/v4-i4/751. (Online) Retrived from: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v4-i4/751>
- Shafie, Latisha Asmaak; Nayan, S. (2010). Employability Awareness among Malaysian Undergraduates. *International Journal of Business and Management*, 5(8), 119–123. <https://doi.org/10.5539/ijbm.v5n8p119>
- Suhaili Hanafi. 2015. Kesiediaan Pelajar Dari Aspek Kemahiran Teknikal Terhadap Pembentukan Kebolehkeraan Di Kolej Vokasional Wilayah Selatan.
- Sulaiman, T. et al. (2017). Implementation of Higher Order Thinking Skills in Teaching of Sciences: A Case Study in Malaysia. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)* eISSN 2250-2158. Vol. 1 Issue 1, 2017.
- Syed Hussain Syed Husman (2005). Meeting The Needs of Employers. Proceedings of National Seminar “The Development of Technology and Technical-Vocational Education and Training in an Era of Globalization: Trend and Issues.” Kuala Lumpur
- Yusof, Y. (2013). “Faktor Pemilihan Kerjaya Kejuruteraan dalam Kalangan Pelajar Wanita Pelbagai Jenis Personaliti di Politeknik Negeri Kedah.” Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana
- Zaiton Mohd Hassan (2003). Developing Graduates for the Global Market. Kertas Kerja Dibentangkan di National IPT, Industry and Career Symposium Melaka. Tidak diterbitkan.
- Zubaiah Awang et, al (2006). Non-Technical Skills for Engineers in the 21st Century: A Basic for Developing a Guideline. Project Paper. Universiti Teknologi Malaysia